

FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM DI PERINGKAT IJAZAH TINGGI DI MALAYSIA

Peranan Institusi dalam Menghadapi Era Globalisasi

Abdul Halim Hj Mat Diah *)

ABSTRACT

This paper will show that philosophy should be a basis of mechanism Islamic education at the undergraduate level or higher "Post Graduate". As the problems of Islamic philosophy of education is a field that is wide and deep, so this paper will only focus on aspects that only the principal purpose of Islamic education. This paper shows the following: (1) The purpose of Islamic education; (2) The purpose of Islamic education at the University; (3) Philosophy of Islamic education at the high degree of Islam; (4) The role of institutions in the era of globalization; (5) Conclusion

Keyword:

Falsafah, Pendidikan, Institusi

1. Pengantar

Kertas kerja ini akan memaparkan falsafah yang seharusnya melandasi mekanisme pendidikan Islam di peringkat ijazah tinggi atau "Post graduate". Oleh kerana masalah falsafah pendidikan Islam adalah merupakan sesuatu lapangan yang luas dan mendalam, maka kertas kerja ini hanya akan menumpukan kepada aspek yang pokok sahaja iaitu tujuan

*) Guru Besar Akademi Pengajian Islam-Universiti Malaya (APIUM)

pendidikan Islam di peringkat tersebut. Kertaskerja ini memaparkan hal-hal berikut: (1) Tujuan pendidikan Islam; (2) Tujuan pendidikan Islam di Universiti; (3) Falsafah pendidikan Islam di peringkat ijazah tinggi Islam; (4) Peranan institusi di era globalisasi; (5) Penutup

2. Tujuan Pendidikan Islam

Pendidikan adalah merupakan gagasan yang tersusun dengan baik dan menjadi milik suatu bangsa dan umat. Oleh kerana itu maka secara logiknya segala landasan dan wawasannya haruslah bersendikan kepada hal-hal yang dimiliki dan diyakini oleh bangsa dan umat yang berkenaan. Demikian pendapat Prof. Dr. Imam Barnadib, Mahaguru Falsafah Pendidikan di Fakultas Pasca Sarjana, I.A.I.N. Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia, dalam sebuah kertas kerjanya berjudul Sistem Pendidikan Nasional Menurut Konsep Islam, yang dikemukakan dalam Seminar “Islam dan Pendidikan Nasional”, yang berlangsung di LAIN, Syarif Hidayatullah, Jakarta, pada 25 - 27 April, 1983¹

Bertolak dari pendapat di atas maka pendidikan Islam adalah dibina di atas dasar-dasar yang dimiliki dan diyakini oleh umat Islam, iaitu Al Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Selain daripada itu, Dr. Muhammad Fadhil al Jamaly dalam bukunya *Tarbiat al Insan al Jadid* mengatakan bahawa al Quran al Karim adalah merupakan kitab terbesar yang menjadi sumber kepada falsafah pendidikan dan pengajaran.² Beliau seterusnya mengatakan bahawa pada hakikatnya al Quran adalah merupakan perbendaharaan yang menjadi induk

kepada semua perbendaharaan kebudayaan Islam terutamanya dari sudut kerohanian. Pada umumnya al Quran adalah merupakan kitab pendidikan yang pertama dan khususnya sebagai kitab pendidikan kemasyarakatan, akhlak dan kerohanian.³

Penegasan tentang masalah ini juga ditegaskan oleh al Tibawi dalam tulisannya mengenai *Philosophy of Muslim Education*.⁴ Demikian juga halnya dengan para ilmuan Islam yang lain telah sepakat bahawa al Quran dan al Sunnah haruslah dijadikan sumber dan dasar pendidikan Islam. Malah di antara mereka iaitu Maulana Abu Hasan al Nadwi dengan tegas mengatakan bahawa sekiranya pendidikan umat Islam tidak didasarkan akidah yang bersumberkan kepada al Quran dan al Sunnah maka pendidikan itu bukanlah pendidikan Islam, tetapi ianya adalah pendidikan asing.⁵

Perumusan-perumusan yang dibuat oleh para cendekiawan Islam itu sesungguhnya bersesuaian dengan firman Allah dalam Al-Quran yang bermaksud :

Sesungguhnya Din yang diredhai Allah ialah Islam.

Surah Ali Imran: 19

Barangsiapa mencari selain Islam sebagai al Din, maka tidak akan diterima daripadanya dan di akhirat termasuk termasuk orang-orang yang merugi.

³ Ibid.

⁴ al Tibawi, *Arabic and Islamic Themes : Historical Educational and Literary Studies*, Luzac and Company, London, 1974, hal. 187

⁵ Abu Hasan al Nadwi, *Nahwa al Tarbiat al Islamiyyat al Hurrah*, al Mukhtarul Islamy, Cairo, 1974 hal. 3

¹ Imam Barnadib, *Sistem Pendidikan Nasional Menurut Konsep “ISLAM DAN PENDIDIKAN NASIONAL”*, Lembaga Penelitian IAIN. Jakarta, Jakarta. 1983, hlm. 129

² Muhammad Fadhil Al Jamaly, *Tarbiat al Insan al Jadid*, al Syirkah al Tunisiyyah. t,t;t.th

Surah Ali Imran : 85

Dalam hal ini Prof. Dr. Syed Mohammad Naquib al Attas dalam sebuah makalahnya yang berjudul : *Islam the Concept of Religion and the Foundation of ethics and morality* mengatakan bahawa konsep al Din dalam Islam adalah berbeza daripada konsep religion (agama) pada pandangan dan sejarah orang-orang barat. Tetapi ianya memberi erti bahawa agama haruslah menjadi asas yang menjiwai seluruh aspek kehidupan umat Islam.⁶

Berdasarkan kepada pemaparan yang dilakukan di atas maka jelaslah bahawa pendidikan Islam itu haruslah berdasarkan kepada al Quran dan al Sunnah Rasulullah s.a.w. Rasulullah s.a.w bersabda, yang bermaksud :

Aku tinggalkan kepadamu dua perkara, yang kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu Kitab Allah (al Quran) dan Sunnah ku.

Tujuan Pendidikan Islam yang bersumberkan kepada al Quran dan al Sunnah itu harus bersesuaian dengan keduanya. Hujjatul Islam Imam al Ghazali dalam kitabnya *Ihya' 'Ulumuddin* mengatakan bahawa tujuan pendidikan Islam ialah "*Bertaqarrub kepada Allah, bukan untuk mendapatkan jawatan kepimpinan, bermegah - megah dan berlumba-lumba.*"⁷

Pendapat Imam al Ghazali ini menerangkan bahawa pendidikan

Islam yang termasuk di dalamnya pengajaran adalah semata-mata untuk bertaqarrub (mendekatkan diri) kepada Allah s.w.t bukan untuk menjadi alat guna bermegah-megah di kalangan manusia. Hal ini adalah sesuai dengan pandangan Al-Ghazali terhadap kehidupan dunia dan nilai-nilai yang terdapat di dalamnya,⁸ sesuai dengan kenyataan peribadi beliau sebagai seorang filosof yang zuhud.

Pendapat Imam Al-Ghazali ini sebenarnya bukanlah bererti beliau menolak kebahagiaan hidup di dunia ini malah beliau berpendirian bahawa kebahagiaan dunia adalah merupakan sarana untuk mendapatkan kebahagiaan akhirat.⁹ Prof. Fathiah Hasan Sulaiman membuat kesimpulan tentang tujuan pendidikan menurut Imam Al-Ghazali sebagaimana berikut:

Dan jelaslah bahawa dengan mempelajari tulisan - tulisan al Ghazali tentang pengajaran dan pendidikan, bahawa tujuannya ada dua macam; iaitu kesempurnaan kemanusiaan yang tujuan hidupnya bertaqarrub kepada Allah. Juga kesempurnaan kemanusiaan yang objektifnya ialah kebahagiaan dunia dan akhirat¹⁰."

Dengan keterangan di atas itu dapatlah disimpulkan bahawa Imam al Ghazali Rahimahullah, berpendirian bahawa pendidikan Islam adalah bertujuan untuk membentuk keperibadian yang bertaqarrub kepada Allah dan ideal dalam erti memperoleh kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

⁶ Aktar Gauhar (Ed.) *The Challenge of Islam*, Islamic Council of Europe, London, hlm. 33.

⁷ al-Abrasyi, *al Tarbiyyat al Islamiyyat wa Falāsifatuha*. Isa al Baby al Halby wa Syurakah. Mesir, 1969, hal 74

⁸ Fathiah Hasan Sulaiman, *Mazāhib fi al Tarbiyyat Bahisun fi al Mazhab al Tarbawi 'Inda al Ghazali*, Maktabah Nahdiyah Mishr, Cairo, 1964. hal. 14

⁹ *Ibid*, hlm. 16

¹⁰ *Ibid*.

Selain daripada pendapat Imam al Ghazali tentang tujuan pendidikan, Ibnu Khaldun juga mengemukakan pandangan beliau tentang tujuan pendidikan. Prof. Muhammad Athiyah Al-Abrasyi di dalam bukunya: *al Tarbiyat al Islamiyyat Wa Falasifatuha*, merumuskan tentang tujuan pendidikan menurut Ibnu Khaldun seperti berikut:

Adapun pendidikan Islam mempunyai dua tujuan, iaitu:

1. Tujuan keagamaan. Maksudnya ialah beramal untuk akhirat sehingga dia menemui Tuhannya dalam keadaan telah menunaikan hak-hak Allah yang diwajibkan ke atasnya.
2. Tujuan ilmiah yang bersifat keduniaan, iaitu apa yang diungkapkan oleh pendidikan moden dengan tujuan kemanfaatan atau persiapan untuk hidup.¹¹

Dari kutipan ini dapatlah disimpulkan bahawa Ibnu Khaldun telah membahagikan tujuan pendidikan itu kepada dua macam, iaitu : tujuan keagamaan dan tujuan keduniaan. Tujuan keagamaan adalah bererti pendidikan hendaklah diarahkan untuk membentuk peribadi-peribadi yang taat beragama, dengan erti menjalankan kewajipan-kewajipan keagamaan sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Allah s.w.t. Tujuan keduniaan pula adalah bererti pendidikan Islam hendaklah diarahkan juga untuk memungkinkkan anak didik berdikari di dalam menghadapi kehidupan di dunia yang penuh tentangan ni.

Pendapat Ibnu Khaldun ini, sebagaimana halnya pendapat Imam Al-Ghazali adalah mempunyai arah dan

maksud yang sama. Cuma yang berbeza hanyalah terletak pada ungkapan bahasa sahaja. Kedua-dua pendapat ini adalah sesuai dengan ajaran Islam yang mengajarkan umatnya supaya tidak melupakan akhirat dalam mengejar kenikmatan dunia yang hanya bersifat sementara serta tidak melupakan keduniaan di dalam mengejar akhiratnya. Allah s.w.t berfirman yang bermaksud :

Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu: wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pacuan, binatang-binatang ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia dan disisi Allahlah tempat kembali yang baik (Syurga).¹²

Surah Ali Imran: 14

Ayat ini menerangkan bahawa segala sesuatu yang disenangi manusia di muka bumi ini sama ada wanita, anak anak, harta benda dan sebagainya hanyalah merupakan perhiasan dunia yang sifatnya sementara sahaja. Sedang kenikmatan yang sesungguhnya ialah kenikmatan akhirat. Oleh kerana itu Allah s.w.t. berfirman di dalam ayat lain yang bermaksud :

Dan carilah pada apa yang dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagian) kampung akhirat, dan janganlah kamu melupakan kebahagiaan dari (kenikmatan) dunia¹³.

Surah Al-Qashash : 77

¹¹ Al-Abrasyi, *Op. it.* Hlm. 264

¹² Department Agama RI, *al Quran dan Terjemahannya*, Yamunu, Jakarta, 1971, hal. 77

¹³ *Ibid*, hlm. 633

Dan di antara mereka ada orang yang mendoa : “Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan dunia dan kebaikan akhirat dan peliharalah kami dari siksa neraka”. Mereka itulah orang-orang yang dapat bahagian dan apa yang mereka usahakan dan Allah sangat cepat perhitungannya.¹⁴ Surah AI-Baqarah: 200-201

Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud :

*Bekerjalah sebagaimana kerja seorang yang menyangka dia tidak akan mati selama – lamanya dan takutlah sebagaimana seorang yang takut akan mati besok pagi.*¹⁵

Ayat - ayat al Quran dan Hadis yang tersebut di atas jelas menunjukkan bahawa kehidupan di dunia ini haruslah mempunyai kesinambungan di antara dunia dan akhirat.

Selain daripada pandangan yang dikemukakan oleh Imam Al-Ghazali dan Ibnu Khaldun tentang tujuan pendidikan Islam, terdapat para cendekiawan Islam dan ahli-ahli pendidikan Islam yang lain membuat perumusan mereka masing masing tentang tujuan pendidikan Islam.

Di antara mereka ialah:

1. Prof. Saleh Abdul Aziz dan Dr. Abdul Aziz Abdul Majid mengatakan bahawa tujuan pendidikan Islam adalah “Untuk mendapatkan

*keredhaan Allah dan mengusahakan penghidupan.*¹⁶

2. Menurut Musthafa Amin bahawa tujuan pendidikan Islam adalah: “Mempersiapkan seseorang bagi amalan dunia dan akhirat.”¹⁷
3. Prof. Dr. Muhammad ‘Athiyah Al-Abrasyi menyimpulkan bahawa tujuan pendidikan Islam adalah: “Keutamaan.”¹⁸

Pendapat para ahli yang tersebut di atas juga menunjukkan arah yang sama dengan pendapat Imam al Ghazali dan Ibnu Khaldun. Prof. Saleh Abdul Aziz dan Dr. Abdul Aziz Abdul Majid mengatakan bahawa tujuan pendidikan Islam itu ialah untuk mencapai keredhaan Allah dan mengusahakan penghidupan. Ini bererti ungkapan beliau itu mempunyai maksud yang sama dengan apa yang dimaksudkan oleh Imam al Ghazali dan Ibnu Khaldun. Demikian juga Mustafa Amin dengan ungkapannya yang bermaksud bahawa tujuan pendidikan Islam itu adalah untuk mempersiapkan seorang yang beramal untuk dunia dan akhirat. Ungkapan yang kelihatannya berbeza ialah pendapat Prof. Dr. Muhammad ‘Athiyah Al Abrasyi yang menyimpulkan untuk mendapatkan *al Fadhilah* atau keutamaan. Keutamaan yang dimaksudkan oleh beliau itu sudah barang tentu adalah bermaksud sifat-sifat yang ideal menurut ukuran Islam.

Sebenarnya Prof. Muhammad ‘Athiyah AI-Abrasyi menguraikan secara terperinci tentang tujuan pendidikan Islam. Beliau

¹⁴Ibid, hlm.49

¹⁵ Jalaluddin Abdur Rahman Ibnu Abi Bakr As Suyuty, *al Jami’ al Saghūr fi al Ahādīthi al Basyīr wa al Nazīr*, Darul Katib Al Araby, Cairo, 1967, hal. 43

¹⁶ Shaleh Abdul Azlz & Abdul Aziz Abdul Majid, *al Tarbiyyat wa Turuq al Tadrīs*, Dar al Ma’arif, Mesir, 1968, hlm. 34

¹⁷ Mustafa Amin, *Tarikh al Tarbiyyat*, Cet.II, Al-Ma’arief, Mesir, 1926, hal. 167.

¹⁸ Abrasyi, *Op.Cit*, hal, 23

membahagikannya kepada lima aspek,¹⁹ iaitu :

1. Pendidikan Akhlak
2. Mementingkan agama dan dunia sekaligus
3. Mementingkan sudut-sudut yang bermanfaat
4. Mempelajari ilmu kerana ilmu.
5. Pengajaran ketrampilan, kesenian dan pertukangan untuk mengusahakan penghidupan.

Perincian yang dibuat oleh Prof. Dr. Muhammad 'Athiyah Al Abrasyi ini adalah memperjelaskan maksud beliau di dalam ungkapannya bahawa tujuan pokok pendidikan Islam ialah al Fadhilah (keutamaan). Oleh kerana itu maka pada bahagian akhir huraian, beliau mengatakan:²⁰

Pendidikan Islam itu biasanya berbentuk akhlak, tetapi ia tidak meremehkan usaha mempersiapkan peribadi untuk hidup dan mengusahakan penghidupan dan mencari rezeki dan tidak melupakan pendidikan jasmani, akal, hati dan jiwa, kehendak, rasa, tangan, lidah dan keperibadian.

Dari keterangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa pendapat ketiga-tiga tokoh tersebut di atas adalah searah dengan pendapat Imam Ghazali dan Ibnu Khaldun. Selain dan pendapat-pendapat itu ada baiknya dipaparkan pendapat beberapa orang ilmuan lagi dalam masalah tujuan pendidikan Islam. Pemaparan ini adalah penting sebelum dibuat suatu kesimpulan umum tentang tujuan pendidikan Islam.

Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib Al Attas dalam makalahnya

¹⁹ *Ibid*, hlm. 22-25

²⁰ *Ibid*, hlm. 25

yang disampaikan dalam Koferensi Pendidikan Islam Antarabangsa (1) yang diadakan di Mekah pada tahun 1977, yang berjudul, “*Aims and Objectives of Islamic Education*”, mengatakan “*The aim of education in Islam is to produce a good man*”²¹. Maksudnya ialah bahawa tujuan pendidikan dalam Islam adalah untuk membentuk manusia yang berkeperibadian baik. Menurut beliau lagi bahawa keperibadian yang ingin dibentuk itu ialah keperibadian manusia Universal atau sempurna (al insan al kamil)²².

Ahmad Saleh Jamjooon, Ketua Follow-up Commitee, Korerensi Pendidikan Islam Antarabangsa (1), dalam kata pengantar terhadap buku Prof. Dr. Syed Mohammad Naquib Al-Attas itu, telah juga merumuskan tentang tujuan pendidikan Islam. Dalam hal ini beliau mengatakan sebagaimana berikut: “*The aim of Muslim education is the creation of the “good and righteous man” who worship Allah in the true sense of the term, builds up the structure of his earthly life according to the Sharia (Islamic Law) and the employs it to subserve his faith*”²³. Ini adalah bermaksud bahawa tujuan pendidikan Islam itu adalah pembentukan manusia yang baik dan seimbang, yang berabdi kepada Allah dengan ikhlas dan mengarahkan hidupnya mengikut syariat Allah dan mengamalkannya untuk pengabdian keimanannya.

Dr. Muhammad Fadhil Al-Jamaly dalam bukunya *Tarbiat al Insan al Jadid*, merumuskan tentang

²¹ S.M.N. al Attas. *Aims and Objectives of Islamic Education*, Abdul Aziz University, Jeddah, 1979. hal. i.

²² *Ibid*. The Concept of Educations in Islam : A Framework for Islamic Philosiphy of Education, hal. 84

²³ *Ibid*. hlm. v

tujuan pendidikan Islam sebagai berikut:²⁴

1. Memperkenalkan kepada manusia statusnya di kalangan makhluk dan tanggungjawab masing-masing individu di dalam hidup mereka di dunia.
2. Memperkenalkan kepada manusia tentang interaksinya di dalam masyarakat dan tanggungjawab mereka ditengah-tengah sistem kemasyarakatan manusia.
3. Memperkenalkan manusia dengan makhluk (alam semesta) dan membimbingnya untuk mencapai hikmah Allah di dalam penciptaan alam semesta dan memungkinan manusia menggunakannya.
4. Memperkenalkan kepada manusia akan Tuhan Pencipta alam ini dan mendorongnya untuk beribadah kepadaNya.

Menurut Dr. Muhammad Fadhil Al-Jamaly semua tujuan tujuan itu saling terikat, tujuan yang pertama, kedua dan ketiga adalah merupakan perantara untuk mencapai tujuan keempat iaitu mengenal Allah dan bertakwa kepadaNya. Oleh kerana itu maka tujuan terakhir daripada pendidikan Islam ialah mengenal Allah dan bertakwa kepadaNya. Adapun tujuan yang menyangkut masalah pengenalan manusia terhadap dirinya sendiri, pengertiannya terhadap tugas dan kewajibannya dalam masyarakat dan sistem alam semesta adalah merupakan sarana yang membawa manusia kepada mengenal Allah²⁵. Oleh kerana itu pendidikan Islam adalah berusaha untuk membentuk manusia yang bertakwa kepada Allah

dan berusaha untuk mendapatkan keredhaanNya, dengan mematuhi perintah dan meninggalkan larangan-laranganNya²⁶.

Dari pendapat para cendekiawan Islam tentang tujuan pendidikan Islam sebagaimana telah dipaparkan di atas dapatlah disimpulkan bahawa para ahli yang tersebut di atas mempunyai maksud yang sama, walaupun mereka menggunakan ungkapan yang berbeza. Tetapi semua pendapat pendapat itu saling memperlengkap dan memperjelas maksud-maksud yang tersirat di sebalik ungkapan mereka masing-masing.

Penulis berpendapat bahawa ungkapan yang paling lengkap dan menyeluruh ialah bahawa pendidikan Islam itu adalah bertujuan untuk membentuk peribadi Muslim yang seutuhnya. Hal ni adalah didasarkan kepada maksud yang tersirat disebalik perkataan "Peribadi Muslim seutuhnya."

Peribadi Muslim seutuhnya adalah bermaksud peribadi yang ideal menurut ukuran Islam. Ianya meliputi aspek-aspek individual dan sosial, aspek intelektual dan moral dan aspek material dan spiritual. Semua aspek-aspek itu adalah sesuai dengan hakikatnya sebagai seorang Muslim, yang mengabdikan seluruh hidupnya kepada Allah s.w.t. Hal ini adalah sesuai dengan firman Allah s.w.t di dalam al Quran yang bermaksud :

*Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu.*²⁷

Surah al Zariyat: 56

²⁴ al Jamaly, Muhammad Fadhil, *Tarbiyyat al Insan al Jadid*, al Syarikat al Tunisiyyah. Hlm 99

²⁵ *Ibid*.

²⁶ Ab al Ainain, Ali Khalil, *Falsafat al Tarbiyyat fi al Qur'an al Karim*, Dar al Fikr al 'Arabi, Cairo, 1980, hlm. 152-153

²⁷ Department Agama RI, *Op. it*. Hlm. 862

Menyembah atau beribadat kepada Allah adalah mempunyai pengertian yang luas dan menyeluruh, tidak terbatas kepada pelaksanaan acara-acara keagamaan yang bersifat ritual sahaja tetapi meliputi seluruh aspek kemanusiaan seperti aqidah, pemikiran, perasaan dan kerjaya²⁸. Manusia Muslim juga adalah manusia yang berusaha memperoleh kebahagiaan dunia dan akhirat, serta menjaga keseimbangan di antara keduanya sesuai dengan firman Allah s.w.t yang bermaksud :

*Dan carilah pada apa yang dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagian) kampung akhirat, dan janganlah kamu melupakan kebahagiaan dari (kenikmatan) dunia.*²⁹

Surah Al-Qashāsh: 77

*Dan di antara mereka ada orang yang mendoa : “Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan dunia dan kebaikan akhirat dan peliharalah kami dari siksa neraka”. Mereka itulah orang-orang yang dapat bahagian dan apa yang mereka usahakan dan Allah sangat cepat perhitungannya.*³⁰

Surah Al.Baqarah: 200-201

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud :

*‘Bekerjalah sebagaimana kerja seorang yang menyangka da tidak akan mati selamanya dan takutlah sebagaimana orang yang takut akan mati besok pagi’*³¹

²⁸ al Attas, *Loc. Cit.*.

²⁹ Department Agama RI, *Op. it.* Hlm. 623

³⁰ *Ibid.* hlm. 49

³¹ al Suyuthy, *Loc.Cit.*

Dari huraian yang telah dilakukan dapatlah disimpulkan beberapa kesimpulan sebagaimana berikut:

1. Bahawa tujuan pendidikan suatu bangsa atau umat adalah berdasarkan kepada falsafah hidup suatu bangsa atau umat itu sendiri. Oleh kerana itu maka tujuan pendidikan setiap bangsa/umat adalah berbeza dan tujuan pendidikan bangsa atau umat yang lain.
2. Umat Islam. Sesuai dengan falsafah hidup mereka yang bersumberkan kepada al Qur’ān al Karim dan Sunnah Pasulullah s.a.w mempunyai tujuan pendidikan mereka yang tersendiri.
3. Para filosof dan cendekiawan Islam telah merumuskan tentang tujuan pendidikan Islam dengan ungkapan bahasa mereka masing-masing. Namun pendapat pendapat mereka mempunyai maksud dan arah yang sama serta tidak bertentangan dengan Al Qur’an dan As-Sunnah. Pendapat mereka adalah saling melengkapi dan memperjelaskan maksud yang tersirat di balik ungkapan bahasa mereka masing-masing.
4. Ungkapan yang paling lengkap dan menyeluruh tentang tujuan umum pendidikan Islam ialah bahawa tujuan umum pendidikan Islam ialah untuk membentuk peribadi Muslim yang seutuhnya.
5. Yang dimaksudkan dengan keperibadian Muslim yang seutuhnya ialah peribadi yang ideal dan sempurna dalam segala aspeknya, aspek individual dan sosial, aspek intelektual dan moral dan aspek meterial dan spiritual.
6. Oleh kerana itu maka pendidikan Islam haruslah ditujukan untuk membentuk peribadi-

peribadi yang memenuhi ciri-ciri insan Kamil atau manusia ideal menurut ukuran Islam iaitu :

- i. Mempunyai keimanan yang teguh
- ii. Patuh dan tekun menjalankan perintah-perintah Allah dan menjauhi laranganNya.
- iii. Mempunyai akhlak yang luhur
- iv. Mempunyai sikap sosial yang baik
- v. Memiliki ilmu pengetahuan dan kematangan intelektual yang tinggi.
- vi. Mampu berdikari dalam segala aspek, khususnya di dalam mencari rezeki untuk kehidupannya sendiri dan orang-orang yang menjadi tanggungjawabnya.
- vii. Bersedia memikul tanggungjawab agama dalam segala aspek; peribadi, masyarakat, negara dan seluruh umat manusia.

3. Tujuan Pendidikan Islam di Universiti

Pada umumnya institusi pengajian tinggi didirikan adalah dengan tujuan untuk memikul tiga tugas pokok iaitu :

1. Mengembangkan ilmu pengetahuan
2. Melakukan penyelidikan
3. Perkhidmatan kepada masyarakat

Berhubung dengan tugas yang pertama, institusi pengajian tinggi adalah merupakan pusat bagi mengembangkan ilmu pengetahuan dalam segala bidangnya. Di universitilah para mahasiswa memperoleh ilmu pengetahuan secara meluas dan mendalam. Malah ada

orang mengatakan bahawa tugas utama institusi pengajian tinggi ialah membentuk kemampuan intelektual yang tinggi.

Fungsi yang kedua kepada institusi pengajian tinggi ialah melakukan penyelidikan-penyelidikan supaya ilmu pengetahuan itu senantiasa berkembang menuju ke arah yang lebih sempurna sesuai dengan perkembangan zaman dan masyarakat.

Fungsi yang ketiga pula ialah perkhidmatan masyarakat. Ilmu yang diperolehi tidak akan ada ertinya sekiranya para mahasiswa yang nantinya keluar dari institusi pengajian tinggi itu tidak mahu/dapat mengembangkan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diperolehinya kepada masyarakat di mana dia berada.

Institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia tidak terlepas dari tiga tugas pokok ini. Hal ini dapat dilihat kepada apa yang terkandung dalam Fasal 6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang menyebutkan bahawa:

Jika Yang Di Pertuan Agong berpuashati bahawa adalah mustahak demi kepentingan negara supaya sebuah universiti ditubuhkan ia boleh dengan perintah:

- (a) Mengisytiharkan supaya ditubuhkan suatu Yayasan Pelajaran Tinggi yang mempunyai taraf universiti sebagai suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud mengada, memaju dan mengembangkan pelajaran tinggi dalam semua cawangan pelajaran mengikut sebagaimana dinyatakan dalam perintah itu;

Berdasarkan kepada fasal 6(1) Akta Universiti dan KoIej Universiti 1971 inilah semua universiti yang ada di Malaysia didirikan. Ini bermakna

bahawa fungsi utama penubuhan universiti-universiti di Malaysia ialah untuk mengembangkan ilmu pengetahuan di peringkat pelajaran tinggi dalam semua cawangannya untuk kepentingan negara.

Dengan tujuan untuk mengembangkan ilmu pengetahuan maka pada setiap universiti di Malaysia pada masa ini terdapat institusi-institusi yang ditugaskan untuk mengadakan Pendidikan Islam, misalnya Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya yang didirikan pada tahun 1959, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia yang didirikan pada tahun 1970, Jabatan Pendidikan Islam di Universiti Teknologi Malaysia yang didirikan pada tahun 1972. Di samping itu ialah Akademi Islam Universiti Malaya yang didirikan pada tahun 1961 dan Universiti Islam Antarabangsa yang didirikan pada tahun 1983 serta institusi-institusi pengajian tinggi yang lain yang terdapat pada semua universiti di Malaysia.

Ketiga-tiga fungsi di atas adalah merupakan saluran-saluran yang dapat dilakukan oleh pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia dalam usaha untuk melaksanakan pendidikan Islam.

Dalam bahagian ini, penulis akan mengemukakan beberapa hal yang dapat dilakukan oleh pusat-pusat pengajian tinggi di dalam usaha-usahanya menjalankan peranan dalam masalah ini iaitu ;

Pertama, mengembangkan ilmu pengetahuan.

Sebagaimana disebutkan dalam, huraian yang lalu bahawa tugas universiti yang pertama ialah mengembangkan ilmu pengetahuan. Dalam Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 dengan jelas menyebutkan tentang tugas ini. Dalam pembentukan pemikiran Islam ada dua

aspek yang perlu diperhatikan, iaitu pendidikan Islam pada institusi-institusi yang diamanahkan untuk menjalankan pendidikan Islam dan aspek pendidikan bukan agama iaitu pendidikan ilmu-ilmu sosial dan sains.

Di universiti-universiti Malaysia pada keseluruhannya terdapat akademi, fakulti, jabatan, atau pusat yang diberi tugas untuk menjalankan pendidikan Islam. Institusi-institusi ini sebenarnya telah dapat dijadikan asas untuk membentuk keperibadian Muslim sesuai dengan prinsip-prinsip ajaran Islam. Semua institusi ini sebenarnya dapat dikembangkan dengan lebih berkesan lagi jika pihak-pihak yang memikul amanah mempunyai niat dan usaha yang ikhlas dan gigih serta bekerja dengan bersungguh sungguh untuk mencapai matlamat.

Suatu hal yang sering diperkatakan orang ialah tentang terdapatnya dualisme dalam sistem pendidikan di negara kita sebagaimana halnya terdapat pada keseluruhan negara umat Islam hari ini. Walaupun masalah ini adalah merupakan suatu masalah yang amat sukar diatasi kerana faktor-faktor sejarah, politik dan sebagainya, tetapi pada hemat penulis masalah ini bukanlah merupakan suatu halangan mutlak untuk bekerja dan berusaha. Hak outonomos yang terdapat pada universiti-universiti di Malaysia dalam bidang akademik telah memberikan ruang gerak yang luas kepada kita untuk bekerja. Sebenarnya dalam masalah yang berhubung dengan akademik biasanya dan seharusnya tidak ada pihak-pihak lain di dalam atau di luar universiti yang mengganggu atau mempertikaikan otoritas bahagian-bahagian yang tidak ada hubungan dengan mereka samada dalam bidang pengkhususan ilmu atau jabatan. Suatu hal yang perlu kita persoalkan ialah sejauh mana

kemampuan dan keikhlasan kita untuk bekerja dengan sungguh-sungguh di dalam mencapai tujuan.

Suatu tugas penting kita ialah berusaha supaya ilmu yang diajarkan di pusat-pusat pengajian tinggi Islam ini dapat diintegrasikan dengan keadaan masyarakat supaya ilmu yang diajarkan akan dapat menyahut cabaran-cabaran yang datang dan keperluan masyarakat semasa. Untuk tujuan ini perlulah dikembangkan bukan sahaja ilmu pengetahuan agama tetapi juga ilmu pengetahuan sosial. Walaupun demikian bukanlah bererti kita harus menerima ilmu-ilmu sosial dalam bentuknya yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam, tetapi kita harus berusaha mengIslamkan ilmu-ilmu itu yang dilakukan oleh kalangan cendekiawan muslim sendiri. Untuk tujuan ini sudah barang tentu kita perlu mengumpulkan seluruh tenaga muslim yang mempunyai otoritas dalam bidang ilmu-ilmu keIslaman dan ilmu sosial. Semua tenaga akademik ini perlulah berkumpul untuk berdiskusi secara ikhlas dan kerana Allah untuk merumuskan kaedah-kaedah yang sesuai dengan prinsip ajaran Islam.

Kedua, melakukan penyelidikan :

Dalam masalah ini, institusi-institusi pendidikan tinggi Islam di Malaysia perlu melipat gandakan usaha-usaha untuk mengadakan penyelidikan-penyelidikan. Penyelidikan-penyelidikan yang perlu diadakan bukan sahaja hanya dalam bidang-bidang ilmu agama seperti Tafsir, Hadis, Ilmu Kalam, Fiqh, Akhlak dan lain sebagainya. Tetapi juga dalam bidang ilmu pengetahuan yang dapat dipergunakan untuk penyebaran Islam dan pemikirannya seperti ilmu perbandingan agama yang merupakan suatu ilmu yang amat diperlukan di dalam mempertahankan Islam dan pemikirannya, khususnya dan gerakan kristianisasi.

Untuk tujuan ini juga maka mata pelajaran metodologi penyelidikan adalah perlu dikembangkan supaya para mahasiswa dapat melakukan penyelidikan menurut kaedah penyelidikan yang dapat diandalkan. Sebenarnya apabila bidang penyelidikan ini dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan teratur pula sudah barang tentu peranan universiti-universiti ke arah memajukan pendidikan Islam dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Ketiga, Perkhidmatan kepada Masyarakat

Perkhidmatan kepada masyarakat adalah merupakan salah satu tugas utama perguruan tinggi. Setiap perguruan tinggi selain daripada tugas untuk mengembangkan ilmu pengetahuan dan melakukan penyelidikan-penyelidikan, perkhidmatan kepada masyarakat adalah salah satu tugas utamanya. Adalah suatu hal yang tidak adil apabila sebuah masyarakat atau negara mengeluarkan biaya yang besar untuk pendidikan di universiti, sekiranya para graduan dan universiti-universitinya tidak bersedia untuk memberikan khidmat bakti kepada masyarakat dan negara berdasarkan kepada prinsip-prinsip ilmu pengetahuan dan pengalaman yang mereka perolehi di universiti.

Dalam masalah perkhidmatan kepada masyarakat ini, penulis ingin mencadangkan supaya pihak berwajib dalam pentadbiran universiti dapat memikirkan sama ada perlu atau tidak suatu program khusus yang diintegrasikan ke dalam kurikulum untuk melatih para mahasiswa mencurahkan bakti mereka kepada masyarakat. Untuk makluman, bahawa program ini telah lama diperkenalkan dan diamalkan di Indonesia. Para mahasiswa di Indonesia tidak akan dianugerahkan ijazah pertama mereka sebelum tugas ini diselesaikan.

Program ini di Indonesia dikenali sebagai Kuliah Kerja Nyata atau singkatannya KKN.

Dalam rangka membentuk para mahasiswa yang nantinya akan dapat memberikan derma baktinya kepada masyarakat ialah bagaimana membentuk suatu alur pemikiran yang tidak menjejaskan prinsip-prinsip Islam tetapi dapat membentuk para mahasiswa yang dapat memainkan peranan dalam masyarakat secara praktis. Dengan demikian diharapkan universiti bukannya berperanan untuk membentuk para graduan yang hanya pandai mengemukakan teori-teori yang ideal tetapi tidak dapat memberikan sumbangan yang membina kepada masyarakat dan negara.

Suatu masalah yang sering dimomokkan orang ialah masalah Islam dan Rukunegara. Dalam hal ini, Islam sebagai suatu agama yang sempurna dan universal, manakala Rukunegara pula adalah ideologi kepada negara ini. Masalah yang perlu difikirkan ialah bagaimana memperoleh suatu cara supaya kedua masalah ini tidak dipertentangkan, agar setiap potensi yang ada dilingkungan institusi pengajian tinggi dapat dipergunakan untuk pembangunan bangsa dan negara dalam rangka perkhidmatan universiti/ perguruan tinggi di Malaysia kepada masyarakat, tanpa mengorbankan prinsip-prinsip Islam yang mereka yakini.

Berdasarkan kepada huraian-huraian di atas dapatlah dirumuskan bahawa banyak ruang yang dapat dilakukan oleh institusi pengajian tinggi di Malaysia untuk tujuan mencapai matlamat pendidikan Islam .

RANGKUMAN

1. Peranan utama pusat pengajian tinggi pada umumnya ialah untuk

mengembangkan ilmu pengetahuan, melakukan penyelidikan dan memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

2. Pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia juga memikul tanggungjawab untuk memainkan peranan dalam melaksanakan tiga tugas utama tersebut.
3. Pada setiap perguruan tinggi di Malaysia terdapat bahagian-bahagian yang diamanahkan untuk menjalankan program pendidikan Islam.
4. Bahagian-bahagian pendidikan Islam itu sudah cukup untuk dijadikan asas yang baik kepada setiap institusi pengajian tinggi di Malaysia untuk memainkan peranan secara berkesan. Namun demikian, bukanlah bererti kita sudah harus berpuas hati dengan apa yang ada sehingga masalah dualisme dalam sistem pendidikan negara dapat diganti dengan sistem yang benar-benar sesuai dengan prinsip-prinsip Falsafah Pendidikan Islam.
5. Peranan yang dapat dimainkan oleh pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia dalam membentuk peribadi Islam yang ideal adalah melalui kegiatan-kegiatan yang meliputi tiga tugas utama universiti itu. Untuk maksud yang tersebut, maka setiap perguruan tinggi di Malaysia hendaklah melakukan hal-hal berikut:
 - a. Berusaha untuk mengembang dan meningkatkan mutu pengajiannya sehingga kualiti para graduan benar-benar dapat diandalkan. Dengan demikian maka pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia akan dapat menjadi alternatif untuk bidang pengajian Islam kepada pusat-pusat pengajian tinggi yang

- dibina dan diasuh oleh para orientalis di negeri-negeri Barat.
- b. Berusaha untuk mendedahkan para mahasiswa kepada ilmu pengetahuan yang meluas dan mendalam bukan sahaja dalam bidang ilmu pengetahuan agama, tetapi juga ilmu pengetahuan sosial supaya mereka dapat menghasilkan teori-teori yang dapat dilaksanakan secara praktikal dalam masyarakat. Dengan demikian, maka graduan pengajian Islam yang terbentuk akan dapat disalurkan untuk pembangunan masyarakat dan negara, tanpa mengorbankan prinsip-prinsip Islam.
 - c. Melakukan kegiatan-kegiatan penyelidikan dengan bersungguh-sungguh dalam segala bidang ilmu pengetahuan berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Untuk itu suatu kerjasama yang erat dan ikhlas di antara para ulama dengan sarjana-sarjana Muslim dalam bidang ilmu pengetahuan sosial dan sains adalah amat perlu supaya mereka dapat saling bertukar-tukar ilmu dan pengalaman.
 - d. Pusat-pusat pengajian tinggi hendaklah berusaha mengIslamkan ilmu pengetahuan sosial dan sains dengan cara mengumpulkan para sarjana Muslim untuk berdialog dan berdiskusi sehingga dapat dirumuskan ilmu pengetahuan sosial dan sains yang selaras dengan prinsip-prinsip ajaran Islam.
 - e. Para mahasiswa hendaklah dilatih supaya tidak menjadi manja tetapi lasak supaya apabila mereka menjadi graduan yang akan dapat memberi bakti yang sebaik-baiknya kepada agama, masyarakat dan negara.
 - f. Sikap peka terhadap hal-hal yang berlaku dalam masyarakat dan negara hendaklah dididik supaya mereka bukan hanya pandai menghentam sesuatu yang berlaku, tetapi ikut serta berperanan dalam arus pembangunan masyarakat dan negara, sesuai dengan prinsip-prinsip Islam. Sebagai contoh ialah bagaimana caranya supaya prinsip-prinsip Islam dapat disalurkan melalui prinsip-prinsip Rukunegara yang menjadi falsafah negara Malaysia.

4. Falsafah pendidikan Islam di peringkat ijazah tinggi Islam

Falsafah pendidikan Islam adalah bermaksud falsafah yang diterapkan dalam pendidikan Islam. Dalam masalah ini penulis telah menerangkan bahawa ruang lingkup perbincangan ini ialah difokuskan kepada tujuan pendidikan Islam dan peranan yang seharusnya dimainkan oleh universiti-universiti.

Pengajian peringkat ijazah tinggi iaitu peringkat sarjana adalah dengan maksud untuk menjuruskan calon-calon menjadi pakar di dalam pengkhususan tertentu, dan peringkat doktor falsafah adalah kemuncak dari penjurusan itu. Dengan lain perkataan kursus ialah untuk mempersiapkan calon-calon pakar dan doktor falsafah adalah peringkat pengkhususan yang sebenarnya.

Untuk mencapai tujuan tersebut, maka segala kursus di peringkat ini hendaklah dijuruskan ke arah tujuan tersebut. Adalah difikirkan perlu juga para calon sarjana dan

doktor falsafah dipastikan mahir di dalam bahasa Arab dan Inggeris. Sekurang-kurangnya mereka dapat memahami teks bahasa-bahasa tersebut. Bahasa Arab adalah amat penting bagi memahami perbendaharaan ilmu-ilmu Islam kerana sumber asalnya adalah dalam bahasa Arab. Dengan tujuan untuk menjawab cabaran keilmuan di dunia moden dan menyebarkannya di peringkat global, bahasa Inggeris adalah amat diperlukan. Keperluan bahasa adalah amat perlu dalam memikul tanggungjawab pertama universiti dalam mempelajari, mendalami dan menyebarkan ilmu pengetahuan.

Bagi memenuhi keperluan bahasa ini, penulis mencadangkan adalah lebih baik semua calon sarjana dan doktor falsafah hendaklah diuji kemampuan bahasa Arab dan Inggerisnya sebelum diterima menjadi calon ijazah tinggi atau masalah keperluan bahasa ini hendaklah dipastikan dahulu melalui kursus-kursus intensif sebelum mereka dibenarkan membuat penyelidikan dan penulisan. Penguasaan dua bahasa yang penting ini akan menjadikan para lulusan peringkat ijazah tinggi bertaraf antarabangsa sesuai dengan tuntutan dunia global.

Para calon sarjana dan doktor falsafah perlu melakukan penyelidikan dengan dingin, teratur, gigih dan mendalam sehingga hasil dari penyelidikan disertasi kesarjanaan dan tesis kedoktoran falsafah benar-benar dapat menjadi asas kepada pembentukan watak kesarjanaan yang sebenarnya. Dengan demikian maka sarjana dan doktor falsafah yang keluar dari universiti akan merupakan para sarjana dan doktor falsafah yang *dijazahkan*, bukan ijazah yang menjadikan orang sarjana atau pemegang doktor falsafah.

Bagi mencapai tujuan ini, selain dari penguasaan seperti yang disebutkan di atas, penguasaan terhadap metodologi penyelidikan dan penulisan hendaklah betul-betul dikuasai. Para penyelia hendaklah diusahakan supaya benar-benar menguasai bidang ini, sekurang-kurangnya sekadar batas mencukupi. Sekiranya masalah ini belum dapat dipenuhi adalah difikirkan perlu dilantik penyelia-penyelia tambahan yang menguasai bidang metodologi penyelidikan dan prosedur penggunaannya bagi membantu calon dan penyelia.

Suatu hal yang mungkin ditimbulkan ialah kemungkinan akan berlaku pertelingkahan di antara penyelia. Tetapi sebenarnya sekiranya para penyelia mempunyai disiplin akademik yang tinggi, perkara ini tidak akan berbangkit kerana yang ditumpukan oleh penyelia yang bersangkutan itu adalah dalam dua bidang yang berbeza. Salah seorang menumpukan kepada disiplin ilmu yang diselidiki oleh calon manakala seorang lagi menumpukan perhatiannya kepada aspek metodologi, prosedur dan teknik penggunaannya.

Bagi mencapai tujuan membentuk para sarjana yang dapat memenuhi aspek khidmat kepada masyarakat, adalah disarankan supaya bidang yang diselidiki hendaklah selain daripada bidang pengkhususannya, calon juga perlu melakukan penyelidikan-penyelidikan yang berkaitan dengan masyarakat dan negara agar penyelidikan yang dilakukan relevan dan bermanfaat kepada masyarakat dan negara di samping bidang pengkhususannya.

Selain daripada itu, setiap disertasi dan tesis yang dihasilkan hendaklah disyaratkan sekurang-kurangnya mempunyai beberapa penemuan baru. Penemuan-penemuan itu hendaklah meliputi bidang

disiplinnya dan sebahagiannya bidang keilmuan yang lain yang diluar bidang pengkhususannya. Penemuan-penemuan baru dalam bidang pengkhususannya, calon akan dapat memberikan sumbangan yang bermakna dalam bidang pengkhususannya. Manakala penemuan-penemuan baru di luar bidang pengkhususannya akan membentuk kerangka intelektual yang tinggi sehingga di dalam diri pemegang ijazah kesarjanaan itu akan tergabung aspek-aspek kesarjanaan dan intelektual yang mantap.

5. Peranan Institusi Di Era Globalisasi

Di Malaysia pada hari ini telah tumbuh dengan pesat institusi-institusi pengajian tinggi. Dalam institusi tersebut terdapat bahagian-bahagian yang menguruskan pendidikan tinggi Islam sama ada untuk melahirkan para sarjana yang mempunyai pengkhususan dalam bidang keagamaan dan atau memberikan asas pendidikan Islam kepada para graduan untuk melengkapkan keilmuan mereka dengan pendidikan Islam agar menjadi manusia yang sesuai dengan tujuan pendidikan Islam.

Di antara institusi pendidikan tinggi Islam di Malaysia yang menyediakan kursus pendidikan Islam ke arah pembentukan sarjana yang mempunyai kepakaran dalam pengajian Islam ialah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Darul Iman.

Di universiti-universiti tersebut terdapat fakulti-fakulti yang berkait rapat dengan keilmuan agama Islam dan juga pengajian yang menjalinkan antara ilmu-ilmu agama dengan

keilmuan bidang fardhu kifayah seperti sains, ekonomi, pentadbiran, politik dan undang-undang. Institusi-institusi yang disebutkan di atas sebenarnya telah dan sedang melakukan semakan-semakan terhadap kurikulum dan silabusnya dalam menghadapi tentangan semasa.

Zaman sekarang adalah zaman globalisasi. Institusi pendidikan tinggi Islam di Malaysia menjadi pusat tumpuan para mahasiswa asing yang datang dari seluruh dunia. Oleh kerana itu, selain daripada hal-hal yang telah disebutkan di atas perlulah disusun silabus yang sesuai dengan keperluan global. Dengan demikian diharapkan para graduan yang keluar dari institusi pendidikan tinggi Islam di Malaysia selain daripada kemahirannya dalam bidang ilmu-ilmu keislaman dalam pengertian luas mereka juga mempunyai minda yang bersifat global sesuai dengan realiti masyarakat sekarang ini.

5. Penutup

Sebagai kesimpulan dari kertas kerja ini dapat disimpulkan bahawa falsafah pendidikan Islam di peringkat ijazah tinggi hendaklah ditumpukan ke arah pembentukan watak kesarjanaan Muslim yang ideal menurut ukuran matlamat pendidikan Islam. Mereka juga perlu benar-benar berperibadi kesarjanaan dengan kemampuan yang boleh dipertanggungjawabkan serta berguna kepada masyarakat dan negara. Selain itu para lepasan ijazah tinggi di institusi pengajian Islam hendaklah merupakan para sarjana yang *berijazah*, bukan merupakan orang-orang yang bergelar kesarjanaan kerana ijazahnya. Sesuai dengan kedudukan Malaysia sebagai pusat pendidikan tinggi di peringkat antarabangsa dengan banyaknya mahasiswa-mahasiswa yang datang dari seluruh dunia, maka kurikulum

dan silabusnya hendaklah mengambil kira faktor-faktor yang memenuhi keperluan keserjanaan Islam yang bertaraf global.

Wallāhu al Muwāffiq wal al Musta‘ān wa sallāllahu ‘ala saiyyidina Muhammad wa ‘ala ālihi wa sahbīhi ajma‘īn wa al hamdulillah Rabbi al ‘ālamīn.

Referensi

- Imam Barnadib, *Sistem Pendidikan Nasional Menurut Konsep “ISLAM DAN PENDIDIKAN NASIONAL”*, Lembaga Penelitian IAIN. Jakarta, Jakarta. 1983
- Muhammad Fadhil Al Jomaly, *Tarbiāt al Insān al Jadid*, al Syirkah al Tunisiyyah. t,t;t.th
- al Tibawi, *Arabic and Islamic Themes : Historical Educational and Literary Studies*, Luzac and Company, London, 1974
- Abu Hasan al Nadwi, *Nahwa al Tarbiat al Islāmiyyāt al Hurrah*, al Mukhtarul Islamy, Cairo, 1974
- Aktar Gauhar (Ed.) *The Challenge of Islam*, Islamic Council of Europe, London,
- aI-Abrasyi, *al Tarbiyyat al Islāmiyyat wa Falāsifatuha*. Isa al Baby al Halby wa Syurakah. Mesir, 1969
- Fathiah Hasan Sulaiman, *Mazāhib fi al Tarbiyyat Bahisun fi al Mazhab al Tarbawi ‘Inda al Ghazali*, Maktabah Nahdiyah Mishr, Cairo, 1964.
- Department Agama RI, *al Quran dan Terjemahannya*, Yamunu, Jakarta, 1971
- Jalaluddin Abdur Rahman Ibnu Abi Bakr As Suyuty, *al Jami‘ al Saghīr fi al Ahādīthi al Basyīr wa al Nazīr*, Darul Katib Al Araby, Cairo, 1967,
- Shaleh Abdul Azlz & Abdul Aziz Abdul Majid, *al Tarbiyyat wa Turuq al*

- Tadris*, Dar al Ma‘arif, Mesir, 1968
- Mustafa Amin, *Tarikh al Tarbiyyat*, Cet.II, Al-Maarief, Mesir, 1926
- S.M.N. al Attas. *Aims and Objectives of Islamic Education*, Abdul Aziz University, Jeddah, 1979
- al Jamaly, Muhammad Fadhil, *Tarbiyyat al Insan al Jadid*, al Syarikat al Tunisiyyah
- Ab al Ainain, Ali Khalil, *Falsafat al Tarbiyyat fi al Qur’an al Karim*, Dar al Fikr al ‘Arabi, Cairo, 1980